

ASNIB

Laporan Setengah Tahunan

Bagi tempoh kewangan berakhir
30 September 2024



ASN Equity 3



ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	7
4. PENYATA PENGURUS	13
5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH	14
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY 3	15
7. PENYATA KEWANGAN	18
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 September 2024	18
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 September 2024	19
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 30 September 2024	20
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 September 2024	21
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 September 2024	22
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 30 September 2024	23
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	44
9. MAKLUMAT KORPORAT	46

**LAPORAN PENGURUS
ASN EQUITY 3**
[Tabung di bawah naungan ASN Umbrella]



Pemegang-pemegang unit ASN Equity 3 yang dihormati,
AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Equity 3 dengan sukacitanya membentangkan Laporan Setengah Tahunan ASN Equity 3 bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2024.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN Equity 3 [Tabung di bawah naungan ASN Umbrella]	Ekuiti	Pertumbuhan dan Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Equity 3 adalah untuk menyediakan peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang berpatutan bagi memenuhi sebahagian atau kesemua keperluan kecairan segera untuk membolehkan pemegang-pemegang unit menampung keperluan perbelanjaan kesihatan secara berterusan bagi diri mereka dan/atau anak-anak dan/atau individu dibawah jagaan mereka.

1.3 TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

31 Mac.

1.4 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Equity 3 menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
FBM 100 <i>Sumber: www.bursamalaysia.com.my</i>	80
Maybank 12 bulan <i>Sumber: www.maybank2u.com.my</i>	20

1.5 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Equity 3 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.6 PEGANGAN UNIT

Pada 30 September 2024, seramai 80,915 individu telah menyertai ASN Equity 3. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	49,262	60.87	37,654,536.72	2.46
5,001 hingga 10,000	5,502	6.80	38,438,056.78	2.51
10,001 hingga 50,000	18,971	23.45	423,598,525.65	27.65
50,001 hingga 500,000	6,948	8.59	785,307,375.49	51.27
500,001 dan ke atas	232	0.29	246,775,149.08	16.11
JUMLAH	80,915	100.00	1,531,773,643.72	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Equity 3 Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada 30.09.2024 (%)	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac (%)		
		2024	2023	2022
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:				
Perkhidmatan Komunikasi	8.75	7.31	5.90	6.65
Barangan Bukan Asasi Pengguna	1.16	0.38	2.35	3.03
Barangan Asasi Pengguna	0.25	4.16	6.50	8.49
Tenaga	0.95	1.27	2.80	3.75
Kewangan	30.85	27.39	31.69	26.34
Penjagaan Kesihatan	3.53	1.20	3.22	2.00
Perindustrian	16.83	11.27	10.66	7.08
Teknologi Maklumat	5.08	9.64	6.24	6.22
Bahan Asas	2.02	3.58	6.52	8.45
Hartanah	7.03	5.37	4.62	5.41
Utiliti	9.88	13.44	5.70	4.98
Jumlah	86.32	85.01	86.20	82.40
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:				
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	0.44	0.75	1.05	2.14
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	2.84	5.27	7.30	6.86
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	10.40	8.97	5.45	8.60
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.09.2024	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
		2024	2023	2022
Sebelum Pengagihan Pendapatan				
NAB (RM'000)	1,559,886	1,446,462	1,6016,612	1,769,390
NAB Seunit (RM)	1.0181	0.9707	0.8228	0.8880
Selepas Pengagihan Pendapatan				
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	-	2.63	2.01	2.55
NAB (RM'000)	1,559,886	1,407,273	1,562,485	1,718,581
NAB Seunit (RM)	1.0181	0.9444	0.8027	0.8625
NAB Seunit Terendah (RM)	0.9354	0.7883	0.7738	0.8475
NAB Seunit Tertinggi (RM)	1.0758	0.9657	0.8681	0.9242
Unit Dalam Edaran ('000)	1,532,100	1,490,100	1,946,600	1,992,489
Tarikh Pengagihan Pendapatan	-	2 April 2024	1 April 2023	1 April 2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	0.66	1.26	1.22	1.38
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.37	0.58	0.50	0.86
Pulangan				
Pulangan Pendapatan (%) ³	-	2.78	2.50	2.96
Pulangan Modal (%) ⁴	7.80	17.65	-6.93	-3.20
Jumlah Pulangan (%) ⁵	7.80	20.93	-4.60	-0.34

Nota:

- Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Equity 3 yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Equity 3 untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.
- Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tempoh kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Equity 3 untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.
- Pulangan Pendapatan (%): $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
- Pulangan Modal (%): $\left[\left(\frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
- Jumlah Pulangan (%): $\left[\left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024, ASN Equity 3 tidak mengisytiharkan sebarang pengagihan pendapatan.

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Equity 3 adalah seperti berikut:

	30 September 2024		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Pulangan Tahunan (%) ¹	24.99	7.18	5.36
Penanda Aras (%)	14.35	3.00	1.98

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$= \left[(1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right]^{\frac{1}{n}} - 1 \times 100$$


Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASN Equity 3 berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.09.2024	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac				
		2024	2023	2022	2021	2020
Jumlah Pulangan (%)	7.80	20.93	-4.60	-0.34	18.32	-11.62
Penanda Aras (%)	6.03	9.28	-6.36	-1.06	18.73	-15.41

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Equity 3 telah mencatatkan peningkatan NAB sebanyak 10.84% daripada RM1.4073 bilion kepada RM1.5599 bilion bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024. NAB seunit pula mencatatkan peningkatan sebanyak 7.80% daripada RM0.9444 kepada RM1.0181 bagi tempoh yang sama.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024, terdapat perubahan signifikan terhadap ASN Equity 3 disebabkan oleh:

1. Mekanisme penukaran tabung unit amanah harga berubah ASN dengan harga silam kepada harga hadapan; dan
2. Pengenalan kepada pengagihan dalam bentuk modal bagi tabung unit amanah ASN harga berubah,

yang telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2024.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Equity 3 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Equity 3. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "*Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies*". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusiaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Equity 3 ("Tabung") adalah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang, dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan di dalam Surat Iktatan Tabung.

Tabung boleh melaburkan 70% sehingga 90% daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, Tabung boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Tabung juga dibenarkan untuk membuat pelaburan asing. Namun begitu, pelaburan tersebut adalah bergantung kepada keadaan pasaran, pergerakan mata wang di samping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

3.2 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TEMPOH KEWANGAN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024, strategi pelaburan Tabung telah dilaksanakan dengan perumpukan aset yang lebih tinggi dalam ekuiti berbanding sekuriti berpendapatan tetap dan tunai. Pengagihan aset dilaksanakan setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif Tabung tercapai. Perumpukan aset adalah pada kadar 85%-90% ekuiti : 10%-15% sekuriti berpendapatan tetap dan tunai berbanding dengan penanda aras 80% ekuiti : 20% tunai. Perumpukan aset ini dilaksanakan bagi memastikan Tabung menjana jumlah pulangan yang kompetitif dalam keadaan pasaran yang tidak menentu.

i. Ekuiti

Bagi pelaburan domestik, pelaburan tertumpu kepada sektor-sektor yang dilihat mempunyai asas perniagaan yang kukuh dan prospek perniagaan yang mampan untuk memastikan pulangan yang kompetitif kepada Tabung dalam ketidaktentuan persekitaran ekonomi dan pasaran domestik serta global. Pelaburan Tabung telah tertumpu kepada sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi domestik yang semakin rancak. Antara sektor yang telah menjadi tumpuan adalah sektor Kewangan susulan landasan pemulihan ekonomi yang boleh dilihat daripada pertumbuhan pinjaman dan pembiayaan yang bertambah baik. Pelaburan di dalam sektor ini juga memastikan Tabung dapat menjana pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten. Di samping itu, pelaburan juga telah tertumpu kepada sektor Utiliti susulan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("National Energy Transition Roadmap, NETR") yang menyasarkan peluang pelaburan sebanyak RM25 bilion merangkumi projek Tenaga Boleh Baharu ("TBB") seperti solar dan hidrogen. Selari dengan itu, pelaburan Tabung juga telah dilakukan dalam sektor Pembinaan dan sektor Hartanah, iaitu sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada kecerdasan semula sektor Hartanah di Johor, didorong oleh kesan limpahan daripada pembinaan pusat data dan permintaan tenaga yang datang daripada pusat data tersebut, pasaran elektrik yang teguh di Singapura serta kesan positif daripada polisi-polisi kerajaan seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030") secara amnya. Tabung juga mempunyai pegangan dalam sektor Teknologi Maklumat terutamanya dalam syarikat-syarikat yang

mempunyai model perniagaan yang kukuh dan mempunyai produk-produk berteknologi tinggi seperti alat pembuatan dan pemprosesan semikonduktor.

Demi memastikan pulangan yang kompetitif, Tabung telah melabur dalam pasaran ekuiti antarabangsa dan dipelbagaikan ke beberapa pasaran utama dunia, seperti pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah ("European Union, EU") dan juga Asia Pasifik. Pelaburan Tabung telah tertumpu kepada sektor Teknologi Maklumat terutamanya dalam syarikat-syarikat yang mendapat manfaat ekoran tema global berkaitan industri Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI"). Di samping itu, pelaburan turut dilaksanakan kepada sektor yang lebih stabil atau defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan (terutamanya segmen farmaseutikal, teknologi perubatan dan utiliti) bagi mengimbangi risiko portfolio pelaburan Tabung.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024, Tabung telah berusaha mempelbagaikan pelaburan melalui sekuriti berpendapatan tetap yang memberi perolehan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan.

Pelaburan Tabung dalam sekuriti berpendapatan tetap adalah tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih kompetitif dalam usaha untuk memberikan pendapatan yang berdaya saing kepada Tabung. Tabung telah mengekalkan pegangan dalam sekuriti berpendapatan tetap pada tahun 2024. Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap adalah 5.72% dengan purata tempoh matang portfolio selama 2.80 tahun, manakala purata penarafan kredit adalah "A1". Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran mata wang bagi memastikan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.3 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024, pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang baik disokong oleh kadar inflasi yang terkawal di serata dunia, rangsangan daripada kerajaan China yang menyuntik bekalan wang ke dalam pasaran untuk memulihkan prestasi ekonomi semasa dan sentimen para pelabur yang berdaya tahan. Persekitaran ekonomi juga dilihat semakin stabil dan kebanyakan bank-bank pusat antarabangsa telah mula menurunkan kadar faedah untuk mengimbangi risiko kemerosotan ekonomi dan mengatasi masalah kestabilan harga.

Pasaran saham utama dunia telah mencatatkan kenaikan yang memberangsangkan didorong oleh penurunan kadar faedah dan kestabilan ekonomi di serata dunia. Indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI All Country World Islamic Index ("MSCI ACWI") telah merekodkan kenaikan sebanyak +3.3%, didorong terutamanya oleh Hong Kong (Hang Seng, +27.8%), China (CSI 300, +13.6%), dan Amerika Syarikat (S&P 500, +9.7%). Namun begitu, Jepun (Nikkei 225, -6.6%) telah mengalami penurunan yang paling ketara berbanding negara-negara maju yang lain berikutan oleh kenaikan kadar faedah oleh Bank Pusat Jepun ("Bank of Japan") yang menguatkan nilai Yen, dan secara langsung memberi tekanan kepada industri eksport. Selain itu, data ekonomi yang bercampur-campur, seperti penurunan dalam pengeluaran industri dan peningkatan jualan runcit, telah menambah ketidakpastian di dalam kalangan pelabur. Gabungan faktor-faktor ini telah mencipta persekitaran yang mencabar bagi pasaran saham Jepun, menyebabkan pelabur mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati dan seterusnya menyumbang kepada penurunan pasaran saham di Jepun.

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024, penanda aras utama pasaran saham tempatan iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index ("FBM KLCI") telah merekodkan prestasi yang sangat memberangsangkan dengan kenaikan sebanyak +7.4% atau +112.8 mata daripada paras 1,536.07 mata pada 31 Mac 2024 kepada paras 1,648.91 mata pada 30 September 2024. Paras tertinggi indeks adalah pada 30 Ogos 2024 dengan 1,678.80 mata dan paras terendah pada 16 April 2024 dengan 1,535.00 mata. Berbanding dengan pasaran saham di rantau ASEAN, indeks FBM KLCI adalah antara indeks yang menunjukkan prestasi terbaik sepanjang tempoh tinjauan. Indeks utama di rantau ASEAN seperti Singapura (STI, +11.2%), Filipina (PCOMP, +5.3%), Thailand (SET, +5.1%), dan Indonesia (JCI, +3.3%) telah menunjukkan prestasi yang positif dan cemerlang berbanding dengan indeks-indeks utama di pasaran maju yang lain. Hal ini dapat dirumuskan dengan keutamaan para pelabur global untuk mengimbangi risiko portfolio pelaburan ke rantau ASEAN.

Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan prestasi terbaik dalam tempoh tinjauan adalah MR DIY (+43.9%), Tenaga Nasional (+29.1%), dan CIMB (+25.2%). Sementara itu, saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan prestasi penurunan yang ketara dalam tempoh tinjauan adalah Petronas Dagangan (-15.6%), Petronas Chemicals (-14.5%), dan Nestle (-10.5%).

Sektor-sektor yang mencatatkan kenaikan tertinggi dalam tinjauan adalah sektor Pembinaan (+28.7%), sektor Utiliti (+14.7%), dan sektor Kewangan (+14.5%). Kesenambungan daripada inisiatif kerajaan Malaysia seperti NIMP 2030, projek High Speed Rail ("HSR"), Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan NETR telah memupuk optimisme dalam kalangan pelabur. Selain itu, Strategi Semikonduktor Nasional ("National Semiconductor Strategy, NSS") yang diumumkan pada bulan Mei 2024 turut menarik para pelabur dalam dan luar negara untuk bersama-sama meraih manfaat daripada inisiatif tersebut. Sementara itu, sektor-sektor yang mencatatkan penurunan tertinggi dalam tempoh tinjauan pula adalah sektor Tenaga (-10.4%), sektor Teknologi Maklumat (-8.3%), dan sektor Telekomunikasi (-3.3%). Tren penurunan harga minyak mentah dunia telah menyebabkan prestasi saham sektor Tenaga juga merosot. Sepanjang tempoh tinjauan, harga minyak mentah dunia telah merosot sebanyak -13.0%. Manakala bagi sektor Teknologi Maklumat di pasaran tempatan, prestasi kekuatan Ringgit Malaysia yang semakin kukuh berbanding Dolar Amerika Syarikat telah menyebabkan kebimbangan dalam kalangan para pelabur terhadap prestasi pendapatan syarikat-syarikat dalam sektor Teknologi Maklumat. Hal ini adalah kerana sifat perniagaan sektor Teknologi Maklumat di Malaysia yang berorientasikan eksport.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah meningkat sebanyak +12.7%, ditutup pada paras RM4.1235/USD pada 30 September 2024 berbanding RM4.7250/USD pada 31 Mac 2024. Dalam tempoh tinjauan, paras terendah Ringgit Malaysia didagangkan adalah RM4.7957/USD pada 16 April 2024, manakala paras tertinggi pula adalah RM4.1235/USD pada 30 September 2024. Prestasi baik nilai mata wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya kadar inflasi yang lebih terkawal dan ketegangan geopolitik terutamanya di Timur Tengah. Secara tidak langsung, faktor-faktor ini telah meningkatkan jangkaan para pelabur terhadap pemotongan kadar faedah dasar oleh bank-bank pusat antarabangsa. Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat ("Federal Reserve Board") telah menurunkan kadar faedah dasar pada bulan September 2024 daripada 5.50% kepada 5.00% untuk mengawal aktiviti dan pertumbuhan ekonomi. Secara tidak langsung, Dolar Amerika Syarikat merosot berbanding mata wang dunia yang lain. Selain itu, pelaksanaan inisiatif-inisiatif atau projek-projek berskala besar seperti NSS yang diumumkan pada bulan Mei 2024

dilihat sebagai pemangkin untuk merencanakan industri semikonduktor dan membuka ruang untuk pelaburan ke dalam negara.

Keluaran Dalam Negeri Kasar ("KDNK") Malaysia pada suku kedua tahun 2024 telah meningkat sebanyak +5.9% hasil dorongan daripada aktiviti-aktiviti ekonomi di dalam sektor Perkhidmatan, sektor Pembuatan, dan sektor Pembinaan yang pesat, sekali gus mengatasi unjuran median konsensus Bloomberg iaitu sebanyak 5.8%. Selain itu, peningkatan ketara ini juga turut didorong oleh kenaikan dalam perbelanjaan isi rumah dan pasaran buruh yang kekal kukuh. Faktor-faktor luar seperti tren positif sektor Pelancongan, peningkatan pelaburan modal tetap, dan kemajuan projek berskala besar bagi pusat data turut memberikan impak positif kepada kenaikan KDNK pada suku kedua tahun 2024.

3.4 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bank Negara Malaysia ("BNM") telah mengambil pendekatan yang berbeza ketika kadar inflasi global melonjak naik pasca COVID-19 dengan hanya menaikkan Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") secara sederhana. Justeru, BNM terus menetapkan OPR pada aras 3.00% berteraskan dasar monetari yang kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan telah diturunkan sebanyak 10 mata asas pada bulan April 2024 dan 10 mata asas pada bulan September 2024 daripada 2.70% kepada 2.50% bagi mengoptimalkan kos pengurusan Maybank, selari dengan situasi ekonomi terkini.

Ekoran itu, pasaran sekuriti berpendapatan tetap di Malaysia telah mencatatkan prestasi yang stabil berbanding pasaran negara maju. Penanda aras kadar hasil sekuriti hutang kerajaan Malaysia iaitu Malaysian Government Securities ("MGS") 10-tahun telah menurun sebanyak 15 mata asas daripada 3.86% kepada 3.71%. Penanda aras Refinitiv-Bond Pricing Agency Malaysia ("Refinitiv BPAM") Bond Index pula mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 2.46% untuk tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024.

3.5 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, Pengurus Pelaburan menjangkakan pasaran modal tempatan dan global akan kekal mencabar dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan yang dijangka berlaku di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat dan EU. Tabung Kewangan Antarabangsa ("International Money Fund, IMF") dalam laporan terbitan Julai 2024 telah mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia yang malar iaitu 3.2% bagi tahun 2024 dan 3.3% pada tahun 2025. Ekonomi negara maju seperti Amerika Syarikat dan EU dijangka berkembang masing-masing pada kadar 2.6% dan 0.9% pada tahun 2024, diikuti dengan kadar 1.9% dan 1.5% pada tahun berikutnya. Ekonomi negara membangun pula dijangka akan melaporkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding negara maju. China dijangka merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 5.0% dan 4.5% pada tahun 2024 dan tahun 2025. Pada masa yang sama, India dijangka akan menunjukkan perkembangan ekonomi sebanyak 7.0% pada tahun ini dan 6.5% pada tahun hadapan.

Kitaran pemotongan kadar faedah oleh bank-bank pusat antarabangsa dijangka berlangsung sehingga tahun 2025. Ini didorong oleh kadar inflasi global yang makin terkawal dan kadar pertumbuhan ekonomi yang kurang memberangsangkan terutamanya di Amerika Syarikat, EU dan China. Tambahan pula, masih terdapat beberapa risiko yang masih merisaukan para pelabur sedunia seperti ketegangan di Timur Tengah yang kian memuncak, ketegangan

geopolitik di antara Amerika Syarikat dan China, serta kelembapan ekonomi di China. Pilihan raya presiden Amerika Syarikat yang bakal berlangsung pada bulan November 2024 turut menimbulkan kerisauan para pelabur.

Bagi pasaran domestik, BNM melaporkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar 4%-5% pada tahun 2024 dan tahun 2025, dipacu oleh kestabilan politik dan Ringgit Malaysia, kenaikan pelaburan asing dan pelaburan swasta, berserta permintaan domestik yang kekal kukuh. Ketegasan kerajaan Malaysia untuk mempercepatkan pelaksanaan NIMP 2030, NETR dan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen ("Hydrogen Economy and Technology Roadmap, HETR") dijangkakan turut mendorong perkembangan ekonomi Malaysia. Pada masa yang sama, Malaysia berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran defisit fiskal pada kadar 3% menjelang tahun 2026, didorong oleh beberapa inisiatif kerajaan seperti kenaikan cukai perkhidmatan dan rombakan subsidi diesel dan petrol.

Selain itu, Tabung akan sentiasa melakukan pelarasan terhadap strategi pelaburan Tabung berdasarkan prestasi pasaran tempatan dan antarabangsa dengan sewajarnya. Pengurus Pelaburan juga mungkin mengambil posisi defensif dengan meningkatkan pelaburan di dalam aset berisiko rendah seperti pelaburan dalam pasaran wang jika berlaku perubahan negatif yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran modal.

i. Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, pelaburan ekuiti Tabung akan dilakukan secara selektif dalam saham-saham syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi dan juga menepati tema pelaburan semasa, dalam memastikan pulangan yang kompetitif kepada Tabung. Pengimbangan aktif antara pasaran domestik dan antarabangsa akan dilakukan berdasarkan analisis pelbagai faktor termasuk persekitaran makroekonomi, kadar tukaran wang dan aliran pelaburan. Pelaburan akan ditumpukan kepada sektor-sektor yang dijangka mampu memberikan pulangan yang lebih baik daripada penanda aras, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

Antara sektor yang akan diberikan tumpuan adalah sektor Pembinaan dan sektor Hartanah yang dijangka akan terus mendapat manfaat didorong oleh pelbagai inisiatif kerajaan untuk melaksanakan projek-projek seperti HSR, Light Rapid Transit ("LRT") Bayan Lepas, Mass Rapid Transit ("MRT") 3 dan NIMP 2030. Pengurus Pelaburan akan turut melabur dalam sektor Utiliti yang mendapat faedah daripada inisiatif kerajaan seperti NETR, yang menyasarkan peluang pelaburan sebanyak RM25 bilion merangkumi projek TBB seperti solar dan hidrogen, seterusnya menjadi pemangkin kepada peralihan sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Selari dengan ini, tahap permintaan untuk pusat data akan meningkat, sejajar dengan visi negara untuk menjadi peneraju pasaran dalam industri pusat data. Pelaburan akan dikekalkan dalam sektor Kewangan yang dijangkakan mendapat manfaat daripada kerancakan pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh polisi-polisi ekonomi sekaligus mendapat manfaat daripada pembayaran dividen yang konsisten bagi menyokong pulangan Tabung yang kompetitif. Selain itu, pelaburan secara taktikal juga akan dilakukan dalam sektor Teknologi Maklumat, yang dijangka akan menikmati faedah daripada peningkatan permintaan untuk membina pusat data di Malaysia dan juga menikmati tempas daripada ketegangan antara China dan Amerika Syarikat, menyebabkan syarikat-syarikat multinasional berpindah operasi dari China ke Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain.

Pelaburan antarabangsa akan dilakukan secara selektif, setelah membuat pertimbangan mengenai perkembangan makro dan mikro ekonomi dunia, risiko geopolitik serta aliran

dagangan sedunia. Pelaburan antarabangsa akan ditumpukan kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik serta sektor-sektor yang kurang terkesan oleh ketidaktentuan geopolitik. Tabung akan terus melabur secara taktikal dalam sektor Teknologi Maklumat di Amerika Syarikat, Korea dan Taiwan, berikutan peningkatan permintaan produk-produk semikonduktor serta mendapat manfaat daripada perkembangan industri AI. Selain itu, Tabung juga akan melabur dalam sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang dijangka akan kekal defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan dan sektor Barangan Asasi Pengguna, disokong oleh keperluan asasi penduduk dunia tanpa mengira keadaan ekonomi semasa.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap akan diteruskan bagi memperoleh kadar pendapatan kupon yang stabil di samping mengurangkan risiko portfolio dan menstabilkan NAB Tabung. Bagi jangka masa panjang, pelaburan akan tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi berbanding penanda aras, dengan menyasarkan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung.

Pengurus Pelaburan akan mengekalkan pelaburan dalam pasaran wang bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian. Untuk keperluan kecairan, pelaburan di dalam pasaran wang akan diletakkan dalam deposit jangka pendek. Pengurus Pelaburan mungkin mengambil posisi defensif dengan meningkatkan pelaburan dalam pasaran wang jika berlaku perubahan negatif yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran modal.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN EQUITY 3

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN EQUITY 3 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134: Interim Financial Reporting di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 September 2024, dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 24 Oktober 2024.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengurus

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
24 Oktober 2024

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **ASN EQUITY 3** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
24 Oktober 2024

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY 3

Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN UMBRELLA - ASN EQUITY 3 ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 30 September 2024, penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 18 sehingga 43.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134") bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 September 2024 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan setengah tahun ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan setengah tahun, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus Unit Amanah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut MFRS 134. Pengurus juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang ditentukan oleh Pengurus untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Amanah yang bebas daripada salah sangkaan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Amanah, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai kemampuan Amanah untuk terus berjalan, dengan mendedahkan, sebagaimana yang berlaku, perkara-perkara yang berkaitan dengan keprihatinan berterusan dan menggunakan asas perakaunan berterusan kecuali para pengarah berhasrat untuk membubarkan Amanah atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk melakukannya.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

**Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad
Nor**

No. 03083/07/2025 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
24 Oktober 2024

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2024

	Nota	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.9.2024 RM	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.9.2023 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		4,279,541	5,052,490
Pendapatan dividen		22,572,283	24,643,006
Keuntungan/(kerugian) ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		15,158,979	(2,871,234)
Keuntungan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)		8,254,212	8,348,396
(Kerugian)/keuntungan bersih kadar tukaran asing		(8,801,256)	3,870,603
		<u>41,463,759</u>	<u>39,043,261</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	7,551,355	7,541,163
Yuran pemegang amanah	5	225,000	225,000
Imbuan juruaudit		12,400	12,400
Yuran ejen cukai		2,450	2,200
Perbelanjaan pentadbiran		1,968,367	1,446,118
		<u>9,759,572</u>	<u>9,226,881</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI	6	<u>31,704,187</u>	<u>29,816,380</u>
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>-</u>	<u>-</u>
		<u>31,704,187</u>	<u>29,816,380</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		23,449,975	17,647,700
Tidak ternyata		8,254,212	12,168,680
		<u>31,704,187</u>	<u>29,816,380</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2024**

Nota	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.9.2024 RM	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.9.2023 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	31,704,187	29,816,380
Lain-lain pendapatan komprehensif tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya		
Keuntungan bersih daripada perubahan nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	<u>82,844,492</u>	<u>38,093,956</u>
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH SEMASA	<u>114,548,679</u>	<u>67,910,336</u>
Lain-lain pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	21,893,346	8,311,297
Tidak ternyata	<u>92,655,333</u>	<u>59,599,039</u>
	<u>114,548,679</u>	<u>67,910,336</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 30 SEPTEMBER 2024**

	Nota	30.9.2024 RM	31.3.2024 RM
ASET			
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	7	1,021,270,708	834,492,259
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)	8	376,356,109	446,531,289
Deposit dengan institusi kewangan	9	114,852,454	100,595,915
Tuntutan cukai		534,082	510,727
Pendapatan belum diterima	10	3,700,685	9,828,421
Jumlah terhutang daripada broker saham		29,802,025	67,978,961
Jumlah terhutang daripada PNB	11	7,685,230	-
Tunai di bank		18,511,325	41,511,983
JUMLAH ASET		<u>1,572,712,618</u>	<u>1,501,449,555</u>
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan		-	39,189,630
Jumlah terhutang kepada PNB		11,363,460	53,589,170
Jumlah terhutang kepada Pengurus		1,254,631	1,229,847
Pelbagai pemiutang		208,536	167,616
JUMLAH LIABILITI		<u>12,826,627</u>	<u>94,176,263</u>
NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH		<u>1,559,885,991</u>	<u>1,407,273,292</u>
EKUITI			
Modal pemegang unit	12	1,530,025,239	1,491,961,219
Rizab-rizab lain		29,860,752	(84,687,927)
JUMLAH EKUITI/ NILAI ASET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		<u>1,559,885,991</u>	<u>1,407,273,292</u>
UNIT DALAM EDARAN	12	<u>1,532,100,000</u>	<u>1,490,100,000</u>
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		<u>1.0181</u>	<u>0.9444</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2024**

	Modal	Rizab-rizab lain		Jumlah Ekuiti RM
	Pemegang	Ternyata RM	Tak ternyata RM	
	Unit RM			
Pada 1 April 2023	1,892,419,039	77,806,709	(407,740,894)	1,562,484,854
Penjadian unit untuk jualan	898,961,079	-	-	898,961,079
Penjadian unit untuk pengagihan pendapatan (31 Mac 2023)	9,832,951	-	-	9,832,951
Pembatalan unit	(1,151,007,130)	-	-	(1,151,007,130)
Jumlah pendapatan komprehensif				-
bagi tempoh semasa	-	17,647,700	50,262,636	67,910,336
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	(9,336,403)	9,336,403	-
Pada 30 September 2023	1,650,205,939	86,118,006	(348,141,855)	1,388,182,090
Pada 1 April 2024	1,491,961,219	70,116,753	(154,804,680)	1,407,273,292
Penjadian unit untuk jualan	404,951,381	-	-	404,951,381
Penjadian unit untuk pengagihan pendapatan (31 Mac 2024)	8,646,820	-	-	8,646,820
Pembatalan unit	(375,552,140)	-	-	(375,552,140)
Pengimbangan pengagihan	17,959			17,959
Jumlah pendapatan komprehensif				
bagi tempoh semasa	-	23,449,975	91,098,704	114,548,679
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	(1,556,629)	1,556,629	-
Pada 30 September 2024	1,530,025,239	92,010,099	(62,149,347)	1,559,885,991

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.5 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2024**

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.9.2024 RM	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.9.2023 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	739,627,351	467,965,167
Pembelian pelaburan	(714,001,125)	(283,754,311)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	5,221,005	5,412,458
Dividen bersih diterima	30,125,640	24,675,182
Yuran pengurus dibayar	(7,682,267)	(7,747,373)
Yuran pemegang amanah dibayar	(187,500)	(225,000)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(2,009,417)	(1,478,387)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	<u>51,093,686</u>	<u>204,847,736</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	405,930,930	895,667,070
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(417,777,850)	(1,158,421,700)
Pengagihan kepada pemegang unit	(39,189,630)	(39,126,660)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(51,036,550)</u>	<u>(301,881,290)</u>
PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
	57,136	(97,033,554)
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH		
	<u>142,107,898</u>	<u>149,281,469</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH		
	<u>133,363,779</u>	<u>56,118,518</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	18,511,325	14,040,390
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 9)	<u>114,852,454</u>	<u>42,078,128</u>
Tunai dan persamaan tunai	<u>133,363,779</u>	<u>56,118,518</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 30 SEPTEMBER 2024

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN EQUITY 3 ("Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 11 Mac 2003, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 17 Mac 2003 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12.3 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 17 Mac 2003.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 24 Oktober 2024.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024, telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : *Interim Financial Reporting* ("MFRS 134").

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS baru dan telah disemak perlu digunakan oleh entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 April 2024 tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dikenalpasti apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan FVTPL) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia dikenalpasti. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL dikenalpasti dalam untung rugi.

(b) Aset-aset kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan asas perniagaan. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

(i) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosot nilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui akaun untung rugi ("FVTPL")

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menandakan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli pada awal pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- Ianya diperoleh dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- Pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau

- Ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (rujuk ke atas) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung atau rugi apabila hak Unit Amanah untuk menerima dividen telah dipastikan menurut *MFRS 15 : Revenue from Contracts with Customers*, dan dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI")

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarikbalik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab-rizab lain.

Keuntungan atau kerugian terkumpul dalam pelaburan ekuiti tidak akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi atas penjualan pelaburan. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul bagi instrumen hutang akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi atas penjualan pelaburan.

(iv) Rosotnilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" ("ECL"). Unit Amanah mengiktiraf elau kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosotnilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh entiti mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);

- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut :

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara;
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan;
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketiadaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan.

(v) Penyahiktirafan aset kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambilkira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulang pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung atau rugi tetapi dikelaskan kembali ke pendapatan terkumpul ternyata.

Pada penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung atau rugi semasa pelupusan.

(c) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

(i) Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos urusniaga secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

(iv) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrument 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan *MFRS 132: Financial Instruments: Presentation*.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjudian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda dengan sepenuhnya apabila unit dibatalkan.

(d) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diakru berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan.

(e) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian").

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan didalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada tempoh tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambilkira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (iaitu perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf di dalam OCI atau penyata untung atau rugi).

(f) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(g) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunda yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(h) Pengukuran nilai saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti.

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh diakses oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian bahawa peserta pasaran menilai aset atau liabiliti, bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung
- Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulung, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara aras dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(i) Penilaian dan anggaran perakaunan yang material

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walaubagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

4. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024 ialah 1% (enam bulan berakhir 30 September 2023: 1%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak RM450,000 atau 0.07% setahun daripada NAB Unit Amanah, yang mana lebih rendah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024 ialah RM225,000 (enam bulan berakhir 30 September 2023: RM225,000).

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF ("FVTOCI")

	30.9.2024	31.3.2024
	RM	RM
Pada Kos:		
Pelaburan disebut harga - dalam negara:		
Saham biasa	1,031,676,134	929,298,806
Pada Nilai Saksama:		
Pelaburan disebut harga - dalam negara:		
Saham biasa	1,021,270,708	834,492,259

Pelaburan disebut harga – Dalam Negara

Pelaburan disebut harga - Dalam Negara pada 30 September 2024 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2024
				%
Saham biasa				
Perkhidmatan Komunikasi				
Axiata Group Berhad	6,742,229	41,414,462	16,990,417	1.09
CelcomDigi Berhad	4,708,100	24,809,802	17,514,132	1.12
Maxis Berhad	4,000,000	25,103,039	15,800,000	1.01
Telekom Malaysia Berhad	10,094,700	66,364,724	67,836,384	4.35
	<u>25,545,029</u>	<u>157,692,027</u>	<u>118,140,933</u>	<u>7.57</u>
Penjagaan Kesihatan				
IHH Healthcare Berhad	6,650,000	45,130,105	47,614,000	3.05
Barangan Asasi Pengguna				
Dutch Lady Milk Industries Berhad	567,200	31,815,148	18,127,712	1.16
Tenaga				
Dialog Group Berhad	6,500,000	21,020,388	13,975,000	0.90
Sapura Energy Berhad	22,358,933	23,870,431	782,563	0.05
	<u>28,858,933</u>	<u>44,890,819</u>	<u>14,757,563</u>	<u>0.95</u>
Kewangan				
AMMB Holdings (M) Berhad	7,500,000	31,558,302	37,500,000	2.40
CIMB Group Holdings Berhad	15,000,000	95,638,329	120,750,000	7.74
Hong Leong Bank Berhad	1,600,000	32,768,318	34,496,000	2.21
Malayan Banking Berhad	7,930,000	74,115,979	83,106,400	5.33
Public Bank Berhad	25,700,000	119,045,997	117,192,000	7.51
	<u>57,730,000</u>	<u>353,126,925</u>	<u>393,044,400</u>	<u>25.19</u>

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2024	
			Nilai Saksama RM	%
Saham biasa (samb.)				
Perindustrian				
Malaysia Airports Holdings Berhad	2,251,500	22,276,343	23,550,690	1.51
Capital A Berhad	2,400,000	9,282,055	2,376,000	0.15
Gamuda Berhad	6,969,700	33,968,957	56,315,176	3.61
IJM Corporation Berhad	4,700,000	12,228,992	13,771,000	0.88
Nationgate Holdings Berhad	15,926,460	7,515,862	27,552,776	1.77
Sunway Construction Group Berhad	331,800	1,379,425	1,493,100	
Oppstar Berhad	3,000,000	1,890,000	2,535,000	0.16
Sime Darby Berhad	4,033,300	11,415,449	9,921,918	0.64
Westports Holdings Berhad	3,000,000	13,034,902	12,810,000	0.82
	42,612,760	112,991,985	150,325,660	9.54
Teknologi Maklumat				
Globetronics Technology Berhad	3,400,000	10,619,193	2,227,000	0.14
Inari Amertron Berhad	6,600,000	20,797,948	19,140,000	1.23
MI Technovation Berhad	2,849,300	11,348,426	5,185,726	0.33
Unisem (Malaysia) Berhad	2,500,000	9,640,158	7,800,000	0.50
Pentamaster Corporation Berhad	2,100,000	10,504,941	7,350,000	0.47
	17,449,300	62,910,666	41,702,726	2.67
Bahan Asas				
Press Metal Aluminium Holdings Berhad	3,830,800	21,418,785	19,383,848	1.24
Hartanah				
Mah Sing Group Berhad	1,800,000	3,420,000	3,096,000	0.20
Sime Darby Property Berhad	29,300,000	43,966,803	43,071,000	2.76
SP Setia Berhad	9,185,362	20,418,886	11,481,703	0.74
Sunway Berhad	11,500,000	30,217,136	48,300,000	3.10
	51,785,362	98,022,825	105,948,703	6.80

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2024
				%
Saham biasa (samb.)				
Utiliti				
Tenaga Nasional Berhad	5,293,600	79,625,946	76,439,583	4.90
YTL Corporation Berhad	7,258,000	12,556,372	18,217,580	1.17
YTL Power International Berhad	4,800,000	11,494,532	17,568,000	1.13
	<u>17,351,600</u>	<u>103,676,850</u>	<u>112,225,163</u>	<u>7.20</u>
Jumlah saham biasa				
	<u>252,380,984</u>	<u>1,031,676,134</u>	<u>1,021,270,708</u>	<u>65.37</u>
Jumlah pelaburan disebut harga				
- dalam negara	<u>252,380,984</u>	<u>1,031,676,134</u>	<u>1,021,270,708</u>	<u>65.37</u>

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI ("FVTP")

		30.9.2024 RM	31.3.2024 RM
Pada Kos			
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	(a)	43,000,000	73,000,000
Pelaburan disebut harga			
- dalam negara:	(b)	273,801,667	251,625,149
Skim pelaburan kolektif	(c)	15,856,136	39,521,027
Pelaburan disebut harga			
- luar negara:	(d)	<u>90,533,692</u>	<u>137,474,709</u>
		<u>423,191,495</u>	<u>501,620,885</u>
Pada nilai saksama			
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	(a)	44,247,430	74,138,210
Pelaburan disebut harga			
- dalam negara:	(b)	262,989,864	215,468,659
Skim pelaburan kolektif	(c)	10,584,204	33,218,918
Pelaburan disebut harga			
- luar negara:	(d)	<u>58,534,611</u>	<u>123,705,503</u>
		<u>376,356,109</u>	<u>446,531,290</u>

(a) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 30 September 2024 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2024 %
Nota Islam				
Jangka Sederhana				
4.58% Kuala Lumpur Kepong Berhad 12.8.2025	5,000,000	5,000,000	5,041,200	0.32
3.95% Kuala Lumpur Kepong Berhad 27.9.2034	1,000,000	1,000,000	1,002,980	0.06
4.81% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 28.12.2027	5,000,000	5,000,000	5,044,550	0.32
4.84% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 28.12.2028	5,000,000	5,000,000	5,053,450	0.32
6.18% Projek Lintasan Sungai Besi - Ulu Klang Sdn. Bhd. 26.11.2027	5,000,000	5,000,000	5,136,600	0.33
6.63% Projek Lintasan Sungai Besi - Ulu Klang Sdn. Bhd. 26.11.2027	17,000,000	17,000,000	17,683,400	1.13
5.05% Sarawak Petchem Sdn. Bhd. 27.7.2029	5,000,000	5,000,000	5,285,250	0.33
Jumlah Nota Islam				
Jangka Sederhana	43,000,000	43,000,000	44,247,430	2.81
Jumlah pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	43,000,000	43,000,000	44,247,430	2.81

(b) Pelaburan disebut harga - Dalam Negara

Pelaburan disebut harga - Dalam Negara pada 30 September 2024 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada
				30.9.2024 %
Saham biasa				
Kewangan				
AMMB Holdings (M) Berhad	2,150,000	10,380,000	10,750,000	0.69
CIMB Group Holdings Berhad	1,800,000	11,565,333	14,490,000	0.93
Malayan Banking Berhad	6,000,000	61,370,617	62,880,000	4.03
	<u>9,950,000</u>	<u>83,315,950</u>	<u>88,120,000</u>	<u>5.65</u>
Penjagaan Kesihatan				
Hartalega Holdings Berhad	<u>1,421,100</u>	<u>26,802,243</u>	<u>3,964,869</u>	<u>0.25</u>
Perindustrian				
Malaysia Airports Holdings Berhad	3,800,000	30,587,952	39,748,000	2.55
Gamuda Berhad	2,141,969	16,637,999	17,307,110	1.11
Nationgate Holdings Berhad	1,500,000	2,111,915	2,595,000	0.17
Oppstar Berhad	3,190,900	4,521,198	2,696,310	0.17
Sunway Construction Group Berhad	<u>6,500,000</u>	<u>18,887,874</u>	<u>29,250,000</u>	<u>1.88</u>
	<u>17,132,869</u>	<u>72,746,934</u>	<u>91,596,420</u>	<u>5.88</u>
Teknologi Maklumat				
MI Technovation Berhad	1,677,200	6,066,226	3,052,505	0.20
Unisem (Malaysia) Berhad	1,941,200	8,039,415	6,056,544	0.39
Inari Amertron Berhad	<u>1,400,000</u>	<u>5,392,692</u>	<u>4,060,000</u>	<u>0.26</u>
	<u>5,018,400</u>	<u>19,498,333</u>	<u>13,169,049</u>	<u>0.85</u>

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2024 %
Saham biasa (samb.)				
Teknologi Maklumat				
Greatech Technology Berhad	5,728,000	15,297,176	12,143,360	0.78
Bahan Asas				
Malayan Cement Berhad	849,000	4,303,184	4,414,800	0.28
Press Metal Aluminium Holdings Berhad	1,522,800	7,267,632	7,705,366	0.49
	<u>2,371,800</u>	<u>11,570,816</u>	<u>12,120,166</u>	<u>0.77</u>
Utiliti				
Tenaga Nasional Berhad	2,900,000	44,570,215	41,876,000	2.68
Jumlah saham biasa - Dalam Negara				
	<u>44,522,169</u>	<u>273,801,667</u>	<u>262,989,864</u>	<u>16.86</u>

(c) Skim pelaburan kolektif

Skim pelaburan kolektif pada 30 September 2024 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2024 %
REITs				
Capitaland Malaysia Trust	5,500,000	8,910,918	3,740,000	0.24
Dana				
Columbia India Consumer ETF	10,500	3,409,482	3,329,648	-
Vanguard Utilities ETF	4,900	3,535,736	3,514,556	0.23
	<u>15,400</u>	<u>6,945,218</u>	<u>6,844,204</u>	<u>0.23</u>
Jumlah skim pelaburan kolektif				
	<u>5,515,400</u>	<u>15,856,136</u>	<u>10,584,204</u>	<u>0.47</u>

(d) Pelaburan disebut harga - Luar Negara

Pelaburan disebut harga - Luar Negara pada 30 September 2024 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2024 %
Saham biasa				
China				
Perkhidmatan Komunikasi				
Bilibili Inc	56,890	4,232,312	3,752,596	0.24
Perancis				
Perindustrian				
Schneider Electric SE	3,600	4,272,214	3,910,282	0.25
Jerman				
Perindustrian				
Siemens AG	4,500	7,196,613	5,012,815	0.32
Hong Kong				
Perindustrian				
Technronic Industries Co Ltd	80,000	4,681,460	769,576	0.05
Indonesia				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Goto Gojek Tokopedia Tbk Pt	42,824,250	3,147,988	2,779,037	0.18
Belanda				
Teknologi Maklumat				
ASML Holdings NV	850	10,853,905	5,849,672	0.38
Singapura				
Perkhidmatan Komunikasi				
Propertyguru Group Ltd	84,870	3,557,729	2,311,831	0.15
Sea Ltd	7,340	3,616,968	2,914,409	0.19
	92,210	7,174,697	5,226,240	0.34
Perindustrian				
Grab Holdings Ltd	509,053	20,350,200	7,971,627	0.51

Syarikat	Nilai Nominal RM	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2024 %
Saham biasa(samb.)				
Korea Selatan				
Teknologi Maklumat				
SK Hynix Inc	5,050	3,680,661	3,759,054	0.24
Amerika Syarikat				
Perkhidmatan Komunikasi				
Meta Platforms Inc	1,500	3,236,029	3,103,200	0.20
Alphabet Inc	5,500	3,433,275	3,109,841	0.20
	7,000	6,669,304	6,213,041	0.40
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Amazon.com Inc	4,050	3,480,519	3,360,658	0.22
Penjagaan Kesihatan				
Boston Scientific Corp	10,250	3,562,789	3,538,519	0.23
Teknologi Maklumat				
Apple Inc	3,500	3,514,645	3,539,715	0.23
Microsoft Corp	1,750	7,716,385	2,851,780	0.18
	5,250	11,231,030	6,391,495	0.41
Jumlah saham biasa - luar negara				
	43,602,953	90,533,692	58,534,611	3.77

9. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	30.9.2024 RM	31.3.2024 RM
Pada kos :		
Bank-bank berlesen	114,852,454	85,585,175
Lain-lain institusi kewangan	-	15,010,740
	114,852,454	100,595,915

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	30.9.2024		31.3.2024	
	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)
Bank-bank berlesen	3.14	3	3.19	3
Lain-lain institusi kewangan	-	-	5.15	1

Tiada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang melebihi 90 hari.
(31 Mac 2024: Tiada)

10. PENDAPATAN BELUM TERIMA

	30.9.2024 RM	31.3.2024 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	748,696	942,245
Dividen belum terima	2,951,989	8,886,176
	<u>3,700,685</u>	<u>9,828,421</u>

11. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA / KEPADA PNB

	30.9.2024 RM	31.3.2024 RM
Jumlah terhutang daripada PNB:		
Penjadian unit	<u>7,685,230</u>	<u>-</u>
Jumlah terhutang kepada PNB:		
Pembatalan unit	<u>11,363,460</u>	<u>53,589,170</u>

12. MODAL PEMEGANG UNIT

	30.9.2024		31.3.2024	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tempoh/tahun	<u>1,490,100,000</u>	<u>1,491,961,219</u>	<u>1,946,600,000</u>	<u>1,892,419,039</u>
Penjadian unit				
- Jualan	824,700,000	404,951,381	2,147,900,000	1,844,445,589
- Pengagihan	<u>41,500,000</u>	<u>8,646,820</u>	<u>54,700,000</u>	<u>9,832,951</u>
	866,200,000	413,598,201	2,202,600,000	1,854,278,540
Pembatalan unit	<u>(824,200,000)</u>	<u>(375,552,140)</u>	<u>(2,659,100,000)</u>	<u>(2,254,736,360)</u>
	42,000,000	38,046,061	(456,500,000)	(400,457,820)
Pengimbangan pengagihan bagi tempoh semasa	-	17,959	-	-
Pada akhir tempoh/tahun	<u>1,532,100,000</u>	<u>1,530,025,239</u>	<u>1,490,100,000</u>	<u>1,491,961,219</u>

13. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 September 2024, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 30 September 2024, PNB secara sah memegang 826,356 unit (31 Mac 2024: 835,767 unit) merangkumi 0.05% (31 Mac 2024: 0.06%) daripada jumlah unit yang diterbitkan.

14. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer/institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
UBS Securities Malaysia Sdn. Bhd.	33,106,344	20.77	20,484	12.91
Maybank Investment Bank Berhad*	31,112,072	19.52	32,489	20.48
CIMB Securities Sdn. Bhd.*	21,264,100	13.34	21,264	13.41
Macquarie Capital Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	20,390,498	12.79	30,586	19.28
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	17,156,540	10.76	22,376	14.11
CLSA Securities Malaysia Sdn. Bhd.	14,636,515	9.18	12,595	7.94
JP Morgan Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	7,959,849	4.99	11,940	7.53
RHB Investment Bank Berhad*	7,189,000	4.51	3,790	2.39
CitiGroup Global Markets Malaysia Sdn. Bhd.	5,225,150	3.28	1,045	0.66
Affin Hwang Investment Bank Berhad*	1,366,020	0.86	2,049	1.29
	<u>159,406,088</u>	<u>100.00</u>	<u>158,617</u>	<u>100.00</u>

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung dalam syarikat-syarikat di atas.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri.

15. PUSING GANTI PORTFOLIO

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.9.2024	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.9.2023
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.37 kali	0.25 kali

Pusing Ganti Portfolio dikira berdasarkan pada nisbah purata jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tempoh kewangan dengan purata Nilai Aset Bersih Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

16. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.9.2024	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.9.2023
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.66%	0.62%

Nisbah Perbelanjaan Pengurusan adalah dikira berdasarkan pada nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata Nilai Aset Bersih Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

17. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

- Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Aras 2 : Input yang berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran.

30.9.2024	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTOCI				
Pelaburan disebut harga	1,021,270,708	-	-	1,021,270,708
	1,021,270,708	-	-	1,021,270,708

Pelaburan pada FVTPL

Pelaburan disebut harga	321,524,475	-	-	321,524,475
-------------------------	-------------	---	---	-------------

30.9.2024	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTPL (samb.)				
Skim pelaburan kolektif	10,584,204	-	-	10,584,204
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	44,247,430	-	44,247,430
	<u>332,108,679</u>	<u>44,247,430</u>	<u>-</u>	<u>376,356,109</u>
31.3.2024				
Pelaburan pada FVTOCI				
Pelaburan disebut harga	834,492,259	-	-	834,492,259
	<u>834,492,259</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>834,492,259</u>
Pelaburan pada FVTPL				
Pelaburan disebut harga	339,174,162	-	-	339,174,162
Skim pelaburan kolektif	33,218,918	-	-	33,218,918
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	74,138,210	-	74,138,210
	<u>372,393,080</u>	<u>74,138,210</u>	<u>-</u>	<u>446,531,290</u>

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

18. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN BERKAITAN

Nilai Saksama

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

(i) **Tunai dan persamaan tunai, Deposit dengan Institusi Kewangan, Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham, Tuntutan Cukai, dan Pendapatan Belum Diterima/Pelbagai Pemiutang**

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

(ii) **Pelaburan disebut harga**

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iii) **Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga**

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti, pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iv) **Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disenaraikan**

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

19. LAPORAN BERSEGMEN

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

20. PERBANDINGAN

Perbandingan penyata kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Perbandingan penyata kedudukan kewangan dan nota-nota berkenaan adalah pada tarikh 31 Mac 2024.
- (ii) Perbandingan penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai dan nota-nota berkenaan adalah untuk tempoh dari 1 April 2024 sehingga 30 September 2024.

21. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB, Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Unit No. A-G-R4, A-G-R5, A-G-R6 & A-G-R7, Block A, Bangunan Suasana PJH, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya , Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40000 Shah Alam , Selangor	No. 7, Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor , Selangor
MELAKA	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru , 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan , Pahang	No. 8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh , Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 & A-12A-2, Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar , Perlis	Lot 1, 2 & 3, Tingkat Bawah dan Tingkat 1, Jalan Pejabat, Mukim Bandar, 20200 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
No. 27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar , Kedah	No. 51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram, 83000 Batu Pahat , Johor	No. 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre, 81200 Johor Bahru , Johor
No. 6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	

KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal, 88100 Kota Kinabalu , Sabah	TB 4287 & 4280, Tingkat Bawah & Satu, Town Ext II, Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau, 91000 Tawau , Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu , Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau , Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan , Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching , Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri , Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu , Sarawak	Lot 1457 & 1458, Sg. Kudong Shophouse, Ground Floor, Jalan Buangsiol, 98700 Limbang , Sarawak
Lot 1922 & 1923, Lorong 1, Jalan Kelab, 95000 Sri Aman , Sarawak	Lot 1007 & 1008, Jalan Kampung Nyabor, 96000 Sibu , Sarawak

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad

197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad

197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 91, Menara Merdeka 118

Presint Merdeka 118

50118 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

E MEL

asnbcare@asnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 34, Vista Tower, The Intermark

348, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129

E MEL

info@artrustees.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

